

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 11.07.2025 MASA: 8.30AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN *FESTIVAL* PENANG2030 X HARI
WARISAN SEBERANG PERAI 2025**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**12 JULAI 2025 (SABTU)
4.30 PETANG**

**KAMPUNG AGONG, PENAGA
SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Bersama-sama marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada petang yang penuh bersejarah ini dalam **Majlis Perasmian *Festival* Penang2030 X Hari Warisan Seberang Perai 2025**, yang berlangsung dalam suasana yang cukup harmoni dan penuh makna di Kampung Agong ini.
2. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, atas kesudian Yang Amat Berhormat meluangkan masa hadir serta merasmikan *festival* yang amat bermakna ini. Kehadiran Yang Amat Berhormat memberikan signifikan tersendiri kepada kami warga Seberang Perai.
3. Tidak lupa juga, setulus penghargaan saya ucapkan kepada semua yang hadir pada petang ini, khususnya Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II; Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Yang Berhormat EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; barisan Yang Berhormat EXCO Kerajaan Negeri

Pulau Pinang; barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang; wakil-wakil jabatan dan agensi kerajaan; rakan-rakan strategik; para penggiat seni dan budaya; warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) serta komuniti setempat yang sama-sama turun padang bagi menzahirkan komitmen, semangat kebersamaan dan rasa tanggungjawab kolektif dalam menjayakan penganjuran *festival* ini.

4. Penganjuran *festival* pada petang ini melakar satu detik sejarah dalam lembaran pembangunan budaya negeri, apabila buat julung kalinya *Festival* Penang2030 diadakan di tanah Seberang Perai dan digandingkan dengan sambutan Hari Warisan Seberang Perai dalam sebuah perayaan yang bukan sahaja bersifat perintis, bahkan sarat dengan makna simbolik. Gabungan ini mencerminkan komitmen bersama dalam memartabatkan warisan sambil memacu kemajuan, seiring aspirasi menjadikan Seberang Perai sebuah bandar raya berdaya saing dan berjiwa.
5. *Dwi-festival* ini bukan sekadar sebuah acara, malah merupakan manifestasi wawasan dan perjuangan kolektif dalam menyatukan antara teknologi masa depan dengan akar warisan tradisi. Ia sekaligus menjadi wahana penting untuk komuniti menghargai budaya sambil meraih manfaat daripada kemajuan teknologi, selari dengan

Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga
Inspirasi Negara yang kini menginjak usia tujuh (7) tahun.

6. Hari Warisan Seberang Perai yang kita sambut hari ini pula telah memasuki edisi ketiga penganjurannya, hasil inisiatif berterusan MBSP dalam memartabatkan warisan budaya yang menjadi identiti masyarakat majmuk Seberang Perai. Warisan bukan sekadar khazanah masa lalu, bahkan ia adalah jiwa dan jati diri yang perlu dipertahankan dan diturunkan kepada generasi akan datang.
7. Pelbagai pengisian telah disusun, termasuk aktiviti STEM; pertandingan pakaian tradisional dan pertandingan mewarna kanak-kanak; bengkel kraf warisan, pertandingan sukan rakyat; pemeriksaan kesihatan percuma; pameran Agensi-Agensi Kerajaan; persembahan kebudayaan dan banyak lagi. Kesemua aktiviti ini dirangka bukan sahaja untuk hiburan, tetapi juga sebagai instrumen pendidikan dan penglibatan komuniti. Ia merupakan cerminan bahawa komuniti adalah nadi kepada pembangunan negeri yang lestari.
8. *Festival* ini turut memberi peluang dan ruang kepada para usahawan tempatan, seniman, dan penggiat budaya untuk mengetengahkan hasil karya mereka kepada khalayak yang lebih luas. Secara

langsung, ia menyumbang kepada ekonomi setempat dan menyuburkan semangat kerjasama komuniti.

9. Di sebalik kemeriahan ini, saya ingin mengajak semua pihak untuk bersama-sama mengekalkan nilai-nilai murni, merapatkan jurang budaya dan menyemai semangat kebersamaan dalam komuniti. *Festival* seperti ini hanyalah permulaan kepada usaha yang lebih besar dalam menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandar raya yang bukan sahaja pintar dan hijau, tetapi juga kaya jiwa budayanya.
10. Justeru, harapan saya selaku Datuk Bandar ialah agar *Festival* Penang2030 X Hari Warisan Seberang Perai 2025 ini menjadi pemangkin kepada penyatuan sosial, pencerahan minda serta pengukuhan nilai warisan sebagai asas pembentukan tamadun masa depan.
11. Sesungguhnya, kejayaan penganjuran *festival* ini adalah hasil dukungan erat dan kolaborasi strategik antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MBSP, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Tech Dome Penang, Penang Green Council serta seluruh agensi, organisasi dan individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

12. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II; Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri; Yang Berhormat EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; barisan Yang Berhormat EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang; barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta seluruh hadirin yang budiman yang telah memainkan peranan penting dalam menjayakan *festival* ini dengan penuh dedikasi dan semangat kebersamaan. Semoga penganjuran ini bukan sekadar menjadi kenangan indah, malah turut menyemai rasa cinta terhadap warisan, memperkukuh perpaduan komuniti, dan menjadi pemangkin kepada usaha berterusan dalam membentuk Seberang Perai yang lebih maju, lestari dan beridentiti.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.